

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 14
 RUANGAN : DEWAN RAKYAT

Pertimbang pelepasan cukai rawatan IVF

Kerajaan sedia mempertimbangkan cadangan memberi pelepasan cukai kepada pasangan suami isteri, yang mendapatkan perkhidmatan rawatan persenyawaan in vitro (IVF).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata kerajaan memahami usaha pasangan suami isteri, termasuk membelanjakan wang yang banyak bagi rawatan mendapatkan zuriat.

“Ia adalah cadangan yang baik, mungkin saya boleh angkat agenda ini untuk dipertimbangkan, kerana bagi sebuah rumah tangga untuk mendapatkan zuriat adalah hampir segala-galanya,” katanya pada sesi Waktu Pertanyaan Menteri (MQT) di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Ismail Mohamed Said (BN-Kuala Krau), berhubung sama ada Kementerian Kesihatan bercadang mengusulkan kepada Kementerian Kewangan, untuk memberi pelepasan cukai terhadap pasangan suami isteri yang menjalani rawatan IVF.

Caj IVF hingga RM5,000

Menjawab soalan asal Wong Kah Woh (PH-Ipoh Timur) mengenai kos rawatan IVF di hospital kerajaan, Dr Dzulkefly berkata, jumlah caj yang dikenakan untuk satu kitar IVF atau suntikan *intrasitoplasmik* sperma adalah sekitar RM4,500 hingga RM5,000.

Bagaimanapun, katanya, ia ti-



Dr Dzulkefly ditemui media di lobi Parlimen, semalam.

dak termasuk ubat kerana ia ditanggung melalui subsidi penuh oleh kerajaan.

Beliau berkata, jumlah pesakit yang menjalani rawatan IVF di empat hospital kerajaan, iaitu Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar; Hospital Besar Kuala Lumpur; Hospital Wanita Kanak-Kanak Likas dan Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu adalah seramai 685 pada 2016; 1,039 (2017) dan 976 pada tahun lalu.

“Peratus kejayaan pesakit yang menjalani rawatan IVF secara pu-

ratanya sekitar 19-28 peratus.

“Kadar kejayaan ini bergantung kepada beberapa faktor seperti umur wanita, jangka masa ketidaksuburan wanita, masalah kesihatan yang sedia ada ketika itu, kualiti sperma pasangan dan termasuk juga berat badan ibu itu,” katanya.

Dr Dzulkefly berkata, daripada jumlah pesakit berkenaan, mereka yang berjaya hamil selepas menjalani IVF pada 2016 adalah 197 orang, 197 pada 2017 dan 186 pada tahun lalu.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : DALAM NEGERI

Isteri gemuk punca sukar dapat zuriat - Dzulkefly

KUALA LUMPUR

9 April - Kementerian Kesihatan menyifatkan satu pasangan di negara ini sukar mendapat zuriat pada zaman ini adalah berikutan masalah kegemukan isteri selain berlaku kekurangan kepada lelaki.

Begitulah kesimpulan yang dibuat Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad sewaktu menjawab soalan tambahan Datuk Seri Ismail Mohamed Said (BN-Kuala Krau) dalam sesi pertanyaan-pertanyaan menteri dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Ismail bertanyakan mengenai faktor peningkatan pasangan yang mendapatkan rawatan kesuburan di hospital-hospital awam dan swasta.

Dzulkefly turut menyifat-



DZULKEFLY AHMAD

kan faktor pemakanan sebagai satu lagi faktor kepada pasangan suami isteri sukar memperoleh zuriat.

“Mutakhir akhir zaman ini, kesuburan selain lelaki dan wanita antara lain telah saya bayangkan barangkali kegemukan isteri dan kekurangan suami. Kedua-duanya dikenal

pasti punya kelemahan.

“Dan sama ada ia berbentuk immunologikal, hormon atau struktural atau apa pun sebabnya termasuk tiub fallopio tersumbat dan sebagainya. Saya yakin juga daripada pemakanan adalah sangat mustahak,” katanya.

Ditanya sama ada majikan dan pasangan yang mendapatkan rawatan kesuburan akan diberi pelepasan cukai, Dzulkefly memberitahu, pihaknya akan mempertimbangkan cadangan tersebut.